



FAKTOR DEMOGRAFI YANG MEMPENGARUHI NIAT KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR ASNAF IPT

DEMOGRAPHIC FACTORS AFFECTING ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG ASNAF IPT STUDENTS

Bahtiar Jamili Zaini^{1*}, Mohammad Nizam Sarkawi², Rosnalini Mansor³, Abdul Manaf Bohari⁴,
Mohd Adil Mustaffa⁵

¹ School of Quantitative Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: bahtiar@uum.edu.my

² School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: drnizam@uum.edu.my

³ School of Quantitative Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: rosnalini@uum.edu.my

⁴ School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: manafdr@uum.edu.my

⁵ Lembaga Zakat Negeri Kedah, Malaysia

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.08.2022

Revised date: 05.10.2022

Accepted date: 15.11.2022

Published date: 01.12.2022

To cite this document:

Zaini, B. J., Sarkawi, M. N., Mansor, R., Bohari, A. M., & Mustaffa, M. A. (2022). Faktor Demografi Yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Asnaf IPT. *Journal of Information System and Technology Management*, 7 (29), 58-69.

DOI: 10.35631/JISTM.729005

Abstrak:

Pendidikan dalam bidang keusahawanan di kalangan keluarga dari golongan asnaf adalah amat penting dan harus diberikan tumpuan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita. Pengetahuan dan pendedahan berkaitan bidang keusahawanan perlu diterapkan semenjak awal pendidikan persekolahan kerana ia sangat membantu perkembangan kejayaan usahawan di kalangan keluarga asnaf. Banyak di kalangan keluarga asnaf telah menghantar anak mereka belajar sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan telah diberi pendidikan dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor demografi yang mempengaruhi niat keusahawanan pelajar asnaf di IPT terhadap bidang keusahawanan melalui kajian soal selidik dalam talian. Kajian ini melibatkan sebanyak 369 pelajar kategori asnaf di Universiti Utara Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pelajar asnaf ini mempunyai niat keusahawanan yang tinggi dengan purata 4.67 dan sisihan piawai 1.46. Ini menunjukkan pelajar asnaf menunjukkan mereka mempunyai kecenderungan niat positif yang kuat terhadap bidang keusahawanan. Dari segi factor demografi, pelajar lelaki mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Manakala pelajar lepasan Diploma mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berbanding pelajar lulusan STPM dan diikuti pelajar lulusan SPM. Kajian juga mendapati niat keusahawanan yang lebih tinggi bagi responden yang mempunyai pengalaman berniaga, mempunyai perniagaan sendiri dan bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian.

Kata Kunci:

Asnaf, Keusahawanan, Niat Keusahawanan, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Abstract:

Education in the field of entrepreneurship among families from the asnaf group is very important and needs to be focused on to reduce the poverty rate in our country. Knowledge and exposure related to the field of entrepreneurship must be applied from the beginning of school education because it greatly helps the development of successful entrepreneurs among asnaf families. Many of the asnaf families send their children to study at Institutions of Higher Education (IPT) and have been given an education in the field of entrepreneurship. Therefore, this study was conducted to identify the demographic factors that influence the entrepreneurial intention of asnaf students in the field of entrepreneurship through an online questionnaire. This study involved a total of 369 students in the asnaf category at Universiti Utara Malaysia. The study results show that these asnaf students have a high entrepreneurial intention with an average of 4.67 and a standard deviation of 1.46. This demonstrates that asnaf students have a significant favourable intention toward the entrepreneurship. Male students had stronger entrepreneurial intentions than female students. Diploma graduate students are more entrepreneurial intentions than STPM graduate students, who are followed by SPM graduate students. The survey also discovered that individuals with business experience, their own firm, and aim to be entrepreneurs after graduation have higher entrepreneurial intentions.

Keywords:

Asnaf, Entrepreneurship, Entrepreneurial Intentions, Students of Higher Education

Pendahuluan

Keusahawanan adalah satu bidang yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara kerana ia merupakan pemangkin peningkatan kadar per kapita pengeluaran, pendapatan serta perkembangan ekonomi sesuatu negara, terutama bagi negara-negara maju yang mempunyai hasil pengeluaran yang tinggi. Disamping itu juga bidang keusahawanan ini menjana peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Di Malaysia, terdapat gelombang yang semakin meningkat dalam pembangunan keusahawanan di kalangan penduduk. Penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menyemarakkan sektor keusahawanan berkembang menjadi suatu bidang kerjaya yang utama dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi (Nadzri et al., 2016). Perkara ini bertepatan dengan matlamat utama pelaksanaan dasar ini iaitu pembasmian kemiskinan dan penstrukturan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum. Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang dilancarkan pada tahun 2019 telah menjadi manifestasi dan bukti kesungguhan kerajaan bagi mempersiapkan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030. Dasar ini mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sesioekonomi negara dari pelbagai peringkat bermula daripada peringkat permulaan usaha

sehingga pencapaian matlamat tersebut. Dasar ini digubal atas dasar pembangunan komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif, khususnya sektor Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) agar mampu bersaing di pasaran global, serta merangsang pembangunan kumpulan B40 dan usahawan sosial. Sejarah menunjukkan bahawa negara yang mempunyai bilangan usahawan yang ramai mampu mewujudkan satu masyarakat yang dinamik dan mempunyai daya saing yang tinggi (Jaafar, et al, 2019). Oleh itu, keusahawanan berupaya meningkatkan taraf hidup penduduk dan mewujudkan kekayaan kepada industri atau perniagaan tersebut. Ekonomi Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang teguh dalam menghadapi pelbagai rintangan dengan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 4.7% pada tahun 2018 (Shamsuddin, et al (2018).

Bagi melahirkan ramai usahawan, adalah sangat penting untuk mencetus minat dan seterusnya digilap dan di bimbing untuk menjadi usahawan sebenar. Dari aspek pembangunan modal insan, aspek ini harus diambilkira sebagai elemen keusahawanan kerana ianya perlu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kerjaya dan bidang yang diceburi. Oleh itu adalah sangat perlu mewujudkan sumber manusia yang mempunyai keinginan dan sikap keusahawanan. Salah satu pendekatan yang digunakan dalam membangunkan sumber manusia ini oleh negara maju ialah menerusi pendidikan dan latihan keusahawanan. Ini dapat dilihat dari aspek bagaimana keusahawanan menjadi jalan keluar kepada isu pengangguran. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para graduan tidak dapat digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Masalah kemiskinan di kalangan asnaf boleh diatasi dengan menjadikan keusahawanan sebagai jalan keluar. Kemiskinan kumpulan asnaf ini merujuk kepada pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi dan ketidakupayaan untuk memenuhi keperluan asas mereka (Embong et al., 2013; Yusof, 2010). Keluarga dalam kategori asnaf ini adalah mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan rata-rata di bawah RM1500 dan juga dikategorikan sebagai B40 dalam kumpulan kemiskinan (Hashim et al., 2009). Keadaan ekonomi yang teruk menyebabkan sebilangan keluarga menghadapi kesulitan ekonomi (Mahmood et al., 2020). Untuk itu, penerapan nilai dan sifat keusahawanan perlu diterapkan dalam jiwa setiap pelajar-pelajar dari kalangan keluarga asnaf tersebut. Pendidikan dalam bidang keusahawanan amat penting agar setiap usahawan dari kalangan keluarga asnaf ini mendapat ilmu perniagaan yang mencukupi dan mengelakkan mereka gagal dalam usaha semasa menjalankan perniagaan. Malah, pengetahuan mengenai bidang keusahawanan perlu diterapkan semenjak awal pendidikan persekolahan untuk menarik minat, keyakinan dan ilmu yang mencukupi dalam menceburi bidang perniagaan. Faktor pendidikan adalah faktor yang sangat mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf, selain daripada bantuan modal, sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan asnaf (Yaakub & Adnan, 2019). Pendidikan keusahawanan yang berkesan memberi kesan positif terhadap kemampuan seseorang menghasilkan pendapatan yang tinggi sekaligus menurunkan kadar pengangguran (Din et al., 2016). Selain itu, pemeraksanaan pelajar semasa pengajian tinggi memberi kesan positif terhadap tingkah laku keusahawanan mereka (Barral et al., 2018; Hassan et al., 2021; Karyaningsih et al., 2020). Pelaksanaan program pembangunan ekonomi yang dirangka khusus buat golongan asnaf bertujuan menyediakan platform buat mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan pemberian bantuan sokongan berupa modal perniagaan, modal pusingan, kursus kemahiran dan sebagainya. Hasilnya, matlamat untuk melahirkan golongan usahawan asnaf yang berdaya saing mampu direalisasikan (Abai et al., 2020). Berdasarkan kajian Ahmad (2012), didapati

bahawa keusahawanan asnaf sukar dibangunkan kerana kualiti asnaf adalah rendah. Beliau juga berpandangan bahawa satu perubahan budaya dalam kehidupan iaitu berubah daripada gaya hidup kemiskinan kepada dunia keusahawanan yang amat mencabar. Oleh itu tidak menghairankan jika usahawan asnaf yang cuba dibentuk berakhir dengan kegagalan.

Banyak di kalangan keluarga asnaf telah menghantar anak mereka belajar sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sudah tentu pelajar asnaf di IPT mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik, namun tidak semua pelajar IPT dari keluarga asnaf ini menceburi bidang keusahawanan. Banyak faktor yang boleh mempengaruhi minat dalam bidang keusahawanan dikalangan pelajar IPT dari keluarga asnaf. Antaranya latar belakang pelajar itu sendiri, tahap pendidikan, bantuan yang diperoleh serta sikap dan minat dalam menceburi bidang keusahawanan (Zaini et al., 2021). Sehubungan dengan itu kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis factor-faktor demografi yang mempengaruhi niat keusahawanan pelajar asnaf tersebut. Hasil daripada kajian ini, institusi zakat dapat memahami dengan lebih mendalam antara faktor yang boleh mempengaruhi minat pelajar asnaf IPT untuk menjadi seorang usahawan. Dengan itu, pihak institusi zakat dapat menyediakan bantuan dan khidmat nasihat yang bersesuaian untuk membantu pelajar asnaf IPT menceburi bidang perniagaan. Hasil kajian ini dapat membantu pihak universiti atau institusi untuk menjalankan program-program yang lebih berkonsepkan keusahawanan kepada pelajar asnaf bagi mendapat pendedahan yang lebih luas mengenai ilmu keusahawanan.

Sorotan Literator

Niat keusahawanan individu adalah pemboleh ubah penting untuk meramalkan tingkah laku keusahawanan mereka (Jena, 2020). Niat keusahawanan umumnya berkaitan dengan sikap terhadap keusahawanan dari segi keinginan yang diharapkan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya, yang dirasakan layak sebagai inisiatif dan kesediaan untuk bertindak (Nabi & Holden, 2008). Niat keusahawanan dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman seperti keperibadian dan juga faktor luaran seperti konteks atau persekitaran (Yıldırım et al., 2016). Niat keusahawanan adalah kualiti yang mendorong seseorang untuk meneruskan kerjaya dalam bekerja sendiri atau mengembangkan perniagaannya sendiri (Fayolle & Liñán, 2014). Individu yang mempunyai niat keusahawanan akan merancang untuk mengambil risiko yang dikira, mengumpulkan sumber daya yang diperlukan dan membuat usaha sendiri (Karabulut, 2016). Oleh itu, penting untuk mengetahui apakah faktor-faktor yang mempengaruhi niat pelajar asnaf untuk menceburi bidang keusahawanan.

Sebilangan besar penyelidikan yang berkaitan dengan niat keusahawanan adalah berdasarkan kerangka Teori Tingkahlaku Terancang (TTT) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991). Model TTT ini menerangkan niat seseorang individu untuk melakukan tingkah laku tertentu (Anjum et al., 2020). Menurut model TTT, niat keusahawanan dipengaruhi oleh sikap terhadap keusahawanan, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (Koe et al., 2012; Mgaya & Magembe, 2007). Berdasarkan teori ini, tingkah laku terancang dapat dapat diramalkan melalui niat untuk melaksanakannya tingkah laku (Martínez-Gregorio et al., 2021). Sikap terhadap keusahawanan adalah keinginan individu untuk menjadi usahawan mendahului niat keusahawanan, dan itu membentuk niat seseorang untuk berkelakuan dengan cara tertentu (Ajzen, 1991; Mahmood et al., 2020). Norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan untuk terlibat atau tidak melakukan tingkah laku tertentu. Tekanan sosial mungkin datang dari orang sekeliling seperti ibu bapa, ahli keluarga atau rakan karib yang agak mudah mempengaruhi atau mengubah sikap mereka terhadap tingkah laku (Ajzen, 1991; Mgaya &

Magembe, 2007). Pengendalian tingkah laku yang dirasakan menunjukkan bahawa motivasi seseorang dipengaruhi oleh betapa senang atau sukarnya melakukan tingkah laku tersebut (Ajzen, 1991; M gaya & Magembe, 2007).

Selain daripada faktor sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan yang mempengaruhi niat keusahawanan, ada juga faktor luaran atau persekitaran yang mempengaruhi niat keusahawanan seseorang. Terdapat sebilangan penyelidik yang meneroka hubungan antara persepsi persekitaran keusahawanan dan niat keusahawanan individu. Sebagai contoh, kajian oleh Wu dan Mao (2020) berkaitan dengan persepsi pelajar kolej terhadap persekitaran keusahawanan memberi pengaruh besar terhadap motivasi keusahawanan mereka. Kajian oleh Luiz dan Mariotti (2011) meneroka sikap dan tingkah laku keusahawanan dan kaitannya dengan demografi dengan persekitaran keusahawanan. Yao et al., (2016) mendapati bahawa persekitaran sosial dan ekonomi pelajar persekitaran mempunyai pengaruh positif terhadap niat keusahawanan mereka. Jena (2020) membuktikan bahawa hubungan yang signifikan antara persekitaran keusahawanan dengan niat keusahawanan.

Menjadi usahawan adalah kerjaya boleh diceburi oleh pelajar-pelajar asnaf, malah penyertaan mereka dalam bidang perniagaan mendapat bantuan dan sokongan daripada institusi zakat di setiap negeri. Institusi zakat menyediakan pelbagai platform dan kemudahan untuk keluarga asnaf yang berminat dan menepati syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan bantuan modal, khidmat nasihat dan sebagainya yang boleh membantu mereka menjalankan perniagaan (Hashim et al., 2019; Rahman & Ahmad, 2011). Program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia dapat membantu menjana pendapatan golongan asnaf agar mereka dapat keluar daripada masalah kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi keluarga tersebut. Namun menceburi bidang perniagaan adalah suatu bidang yang sangat mencabar. Banyak juga usahawan yang gagal dalam perniagaan mereka walaupun mempunyai bantuan kewangan yang kukuh. Apatah lagi golongan asnaf yang sentiasa terhimpit dengan kesempitan hidup. Oleh itu tidak menghairankan jika usahawan asnaf yang cuba dibentuk berakhir dengan kegagalan.

Kajian daripada Zaini et al., (2021) berkaitan analisis terhadap faktor – faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi tempatan terhadap keusahawanan menunjukkan pelajar asnaf amat responsif terhadap keempat-empat sikap iaitu sikap peribadi, sikap norma subjektif, sikap kawalan tingkah laku dan niat keusahawanan. Pembolehubah sikap peribadi dan sikap norma subjektif mencatatkan skor min yang lebih tinggi berbanding kawalan tingkah laku dan niat keusahawanan. Kajian yang dilakukan oleh Zulhafizi dan Zurinah (2021) yang mengkaji faktor kejayaan usahawan muda dalam perniagaan PKS di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa tujuh faktor dimensi tersebut menjadi pendorong buat usahawan muda di Malaysia untuk mencapai kejayaan di dalam bidang perniagaan masing-masing. Keberkesanan faktor kejayaan usahawan dalam perniagaan PKS di Malaysia boleh dibahagiakan kepada faktor dalaman dan luaran iaitu faktor dalaman yang berkait rapat dengan diri usahawan itu sendiri dan faktor luaran yang berkaitan dengan kerjasama institusi luar seperti kerajaan, swasta dan agensi-agensi yang bertanggungjawab dan berkepentingan.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan tinjauan soal selidik berkaitan dengan faktor demografi pelajar asnaf dalam bidang keusahawanan. Soalselidik yang digunakan dalam kajian ini adalah bagi

mengukur niat keusahawanan menggunakan kajian Liñán dan Chen (2009). Tinjauan soal selidik ini menggunakan skala semantik dari 1 hingga 7. Skala 1 mewakili yang sangat tidak setuju manakala skala 7 mewakili yang sangat setuju. Dalam setiap item, semakin tinggi skor setiap item, semakin tinggi niat keusahawanan responden.

Data setiap responden dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan menggunakan aplikasi Google Form. Populasi responden terdiri daripada seluruh pelajar kategori asnaf di UUM iaitu sebanyak 8682 pelajar yang aktif bagi sesi kedua 2020/2021. Berdasarkan kajian Adam (2020), nilai populasi pelajar sebanyak 8682 pelajar memerlukan sampel sekurang-kurangnya 367 responden. Untuk kajian ini sebanyak 369 responden telah dipilih dari kajian ini menggunakan pensampelan rawak berstatistik untuk memastikan semua pelajar mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Analisis statistik deskriptif digunakan dalam menganalisis pembolehubah demografi responden jantina, umur, pendidikan, latar belakang keluarga yang mempengaruhi niat keusahawanan terhadap bidang keusahawanan.

Hasil Penyelidikan

Sebanyak 369 responden yang sah digunakan dalam kajian ini. Jadual 1 memberikan ringkasan latar belakang responden. Sebanyak 305 (82.7%) responden adalah pelajar perempuan manakala sebanyak 64 pelajar (17.3%) adalah pelajar lelaki. Dari segi aspek umur responden, didapati bahawa majoriti responden iaitu 170 (46.1%) dalam lingkungan umur 22-23 tahun. Kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (56.9%) diikuti diploma (20.3%) manakala yang mempunyai hanya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah sebanyak 22.8% daripada keseluruhan responden.

Jadual 1: Bilangan Responden Berdasarkan Jantina, Umur dan Tahap Pendidikan

		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	64	17.3
	Perempuan	305	82.7
	JUMLAH	369	100.0
Umur	20 – 21	81	22.0
	22 – 23	170	46.1
	24 - 25	101	27.4
	25 ke atas	17	4.6
	JUMLAH	369	100.0
Tahap Pendidikan	SPM	84	22.8
	STPM	210	56.9
	Diploma	75	20.3
	JUMLAH	369	100.0
Status perkahwinan	Bujang	362	98.1
	Berkahwin	7	1.9
	JUMLAH	369	100.0

Jadual 2 menunjukkan latar belakang keluarga responden berdasarkan tahap pendidikan ibubapa, jenis pekerjaan dan pendapatan isi rumah keluarga. Daripada Jadual 2, berdasarkan tahap pendidikan bapa, didapati bahawa majoriti tahap pendidikan bapa adalah SPM iaitu 193 orang (52.38%), diikuti tahap sekolah rendah iaitu 79 orang (21.4%) orang, ijazah 32 orang (8.7%), diploma 30 orang (8.1%), STPM 24 orang (6.5%) dan tiada pendidikan formal 11 orang (3%). Begitu juga dengan tahap pendidikan ibu yang majoriti adalah sekadar mempunyai SPM

sejumlah 231 orang (62.6%) diikuti sekolah rendah 58 orang (15.7%), STPM 26 orang (7%), diploma 24 orang (6.5%), ijazah hanya 19 orang (5.1%) dan tiada pendidikan formal sebanyak 11 orang (3%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar keluarga asnaf ini tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Jadual 2: Tahap Pendidikan Ibubapa

	Tahap Pendidikan Bapa		Tahap Pendidikan Ibu	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Tiada pendidikan formal	11	3.0	11	3.0
Sekolah rendah	79	21.4	58	15.7
SPM	193	52.3	231	62.6
STPM	24	6.5	26	7.0
Diploma	30	8.1	24	6.5
Ijazah	32	8.7	19	5.1
JUMLAH	369	100.0	369	100.0

Jadual 3 pula adalah berkaitan latar belakang pekerjaan ibu dan bapa responden. Majoriti pekerjaan bapa responden adalah bekerja sendiri iaitu 128 orang (34.7%) manakala majoriti pekerjaan ibu responden adalah tidak bekerja iaitu 211 orang (57.2%). Dalam konteks ketidakupayaan bekerja iaitu merujuk kepada kategori ibu dan bapa responden yang sudah berpencen, sudah meninggal dan tidak bekerja, secara keseluruhannya 151 orang bapa responden (40.9%) dan sebanyak 233 orang ibu responden (63.1%) berada dalam kategori ini. Walaupun kategori keluarga asnaf yang bekerja sendiri adalah yang tertinggi berbanding pekerjaan lain, tetapi pendapatan yang diperoleh tidaklah seberapa banyak.

Jadual 3: Pekerjaan Ibubapa

	Pekerjaan Bapa		Pekerjaan Ibu	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Bekerja sendiri	128	34.7	53	14.4
Sektor kerajaan	36	9.8	31	8.4
Sektor swasta	54	14.6	46	12.5
Berpencen	52	14.1	16	4.3
Sudah meninggal dunia	74	20.1	6	1.6
Tidak bekerja	25	6.8	211	57.2
JUMLAH	369	100.0	369	100.0

Jadual 4 pula menunjukkan pendapatan bulanan isirumah bagi ibubapa responden. Secara umumnya, pendapatan kasar bulanan isirumah adalah berpendapatan kurang daripada RM4000 sebulan iaitu 342 keluarga (92.7%). Dalam pada itu, kebanyakan isirumah berpendapatan kurang daripada RM2000 sebanyak 237 keluarga (64.2%). Ini menunjukkan bahawa keluarga asnaf ini mempunyai pendapatan yang sangat rendah.

Jadual 5 memberikan ringkasan berkaitan pengalaman berniaga, persekitaran keluarga yang mempunyai perniagaan, dan keinginan untuk menjalankan perniagaan selepas pengajian. Lebih daripada separuh pelajar asnaf ini mempunyai pengalaman berniaga sebelum memasuki pengajian di IPT iaitu sebanyak 222 pelajar (60.2%) manakala bakinya sebanyak 147 (39.8%)

responden tidak mempunyai pengalaman berniaga. Sebanyak 77 pelajar (20.9%) pernah mempunyai perniagaan sendiri. Manakala sebanyak 111 pelajar (30.1%) datang daripada keluarga yang mempunyai perniagaan dan kebanyakan pelajar mempunyai keluarga terdekat yang terlibat dalam perniagaan iaitu sebanyak 199 pelajar (53.9%). Ini menunjukkan bahawa pelajar asnaf di UUM ini telah terdedah kepada dunia keusahawanan. Hampir separuh daripada responden soalselidik ini bercita-cita untuk menjadi usahawan sepenuh masa di masa hadapan iaitu sebanyak 174 pelajar (47.2%).

Jadual 4: Pendapatan Kasar Bulanan Seisirumah

	Kekerapan	Peratus
Bawah RM1000	110	29.8
RM1000 - RM2000	127	34.4
RM2000 - RM3000	70	19.0
RM3000 - RM4000	35	9.5
RM4000 - RM5000	10	2.7
RM5000 keatas	17	4.6
JUMLAH	369	100.0

Jadual 5: Ringkasan Berkaitan Pengalaman Berniaga, Persekitaran Keluarga yang Mempunyai Perniagaan, dan Keinginan untuk Menjalankan Perniagaan Selepas Pengajian

		Bilangan	Peratus
1.	Mempunyai pengalaman berniaga sebelum memasuki universiti.	222	60.2
2.	Mempunyai perniagaan sendiri sebelum memasuki universiti.	77	20.9
3.	Keluarga anda mempunyai perniagaan sendiri	111	30.1
4.	Mempunyai keluarga terdekat yang menjalankan perniagaan	199	53.9
5.	Bercita-cita untuk menjadi usahawan sepenuh masa di masa hadapan	174	47.2

Secara keseluruhan, pelajar mempunyai niat keusahawanan yang positif dengan skor purata 4.67 dan sisihan piawai 1.46 daripada skor 1 sehingga 7. Ini menunjukkan pelajar asnaf mempunyai kecenderungan niat keusahawanan yang positif terhadap bidang keusahawanan. Seterusnya analisis dijalankan bagi membandingkan niat keusahawanan pelajar asnaf berdasarkan faktor demografi seperti ditunjukkan dalam Jadual 6-7. Berdasarkan Jadual 6, faktor jantina dengan tahap pendidikan menunjukkan faktor yang bererti bagi keusahawanan di kalangan pelajar asnaf. Pelajar lelaki lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam keusahawanan dengan mempunyai nilai purata 5.46 dengan sisihan piawai 1.09 berbanding pelajar perempuan yang mempunyai nilai purata 5.09 dengan sisihan piawai 0.93. Bagi latar belakang status pendidikan pelajar sebelum memasuki IPT, terdapat perbezaan yang bererti di antara pelajar lulusan SPM dengan pelajar lulusan STPM dan juga pelajar lulusan Diploma, tetapi tiada perbezaan yang bererti di antara pelajar lulusan STPM dengan pelajar lulusan Diploma. Pelajar lulusan STPM dan Diploma lebih cenderung mempunyai niat keusahawanan mungkin disebabkan pengalaman dan lebih terdedah kepada bidang keusahawanan berbanding

pelajar lulusan SPM. Manakala kajian menunjukkan tiada sebarang perbezaan niat keusahawanan di antara umur berbeza dan begitu juga dengan status perkahwinan.

Jadual 6: Purata dan Sisihan Piawai Niat Keusahawanan Berdasarkan Latar Belakang Pelajar Asnaf

		Purata	Sisihan Piawai
Jantina*	Lelaki	5.46	1.09
	Perempuan	5.09	0.93
Umur	20 – 21	4.58	0.15
	22 – 23	4.55	0.12
	24 - 25	4.99	0.13
	25 ke atas	4.49	0.48
Tahap Pendidikan*	SPM	4.20	0.16
	STPM	4.75	0.09
	Diploma	4.99	0.17
Status perkahwinan	Bujang	5.13	0.97
	Berkahwin	5.24	0.94

* Bererti pada aras keertian 0.05

Jadual 7 memberikan nilai purata dan sisihan piawai bagi perbandingan antara niat keusahawanan pelajar asnaf dengan pengalaman berniaga, menjalankan perniagaan sendiri, keluarga dan keluarga terdekat menjalankan perniagaan dan cita-cita menjadi usahawan selepas tamat pengajian di UUM. Analisis kajian mendapati niat keusahawanan memberi perbezaan yang bererti sekiranya pelajar asnaf ini mempunyai pengalaman berniaga, mempunyai perniagaan sendiri dan bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Manakala faktor keluarga atau keluarga terdekat tidak memberi kesan kepada niat keusahawanan pelajar asnaf tersebut.

Jadual 7: Statistik berkaitan Niat Keusahawanan dengan Pengalaman Berniaga, Perniagaan Sendiri, Persekitaran Keluarga dan Cita-cita Menjadi Usahawan

		Purata	Sisihan Piawai
1. Mempunyai pengalaman berniaga sebelum memasuki universiti*	Ya	4.95	1.41
	Tidak	4.25	1.42
2. Mempunyai perniagaan sendiri sebelum memasuki universiti*	Ya	4.99	1.60
	Tidak	4.59	1.41
3. Keluarga anda mempunyai perniagaan sendiri	Ya	4.81	1.56
	Tidak	4.61	1.41
4. Mempunyai keluarga terdekat yang menjalankan perniagaan	Ya	4.72	1.54
	Tidak	4.62	1.35
5. Bercita-cita untuk menjadi usahawan sepenuh bercita-cita untuk menjadi usahawan sepenuh*	Ya	5.63	.99
	Tidak	3.82	1.26

* Bererti pada aras keertian 0.05.

Kesimpulan

Kajian ini menumpukan faktor demografi pelajar IPT dari kalangan keluarga asnaf terhadap niat keusahawanan. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati pelajar asnaf mempunyai niat keusahawanan yang positif terhadap keusahawanan dengan purata 4.67 dan sisihan piawai 1.46. Kajian ini juga mendapati faktor jantina dan tahap pendidikan pelajar sebelum memasuki UUM mempengaruhi niat keusahawanan pelajar asnaf tersebut. Pelajar lelaki mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Manakala terdapat perbezaan terhadap niat keusahawanan pelajar asnaf bagi pelajar lulusan SPM dengan pelajar lulusan STPM dan juga pelajar lulusan Diploma. Pelajar lepasan Diploma mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar lulusan STPM dan diikuti pelajar lulusan SPM. Analisis kajian juga mendapati niat keusahawanan memberi perbezaan yang bererti sekiranya pelajar asnaf ini mempunyai pengalaman berniaga, mempunyai perniagaan sendiri dan bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Manakala faktor keluarga atau keluarga terdekat tidak memberi kesan kepada niat keusahawanan pelajar asnaf tersebut. Berdasarkan kajian ini, kami percaya bahawa pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting dalam memupuk dan mempromosikan niat keusahawanan di kalangan pelajar asnaf. Faktor kejayaan seseorang usahawan asnaf adalah dicerminkan oleh sikap dan gelagat mereka sendiri terhadap bidang yang mereka ceburi. Kebergantungan kepada pihak lain untuk mencapai kejayaan adalah aspek yang harus dikikis lantaran faktor dalaman adalah aspek lebih kuat berbanding faktor luaran. Ini adalah selari dengan kajian dari Zaini et al., (2021) berkaitan analisis terhadap faktor – faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi tempatan terhadap keusahawanan.

Berdasarkan hasil kajian ini, seperti yang dibincangkan oleh Hashim et al., (2019); Rahman & Ahmad, (2011), program khusus seperti latihan, ceramah dan bengkel wajar diberikan kepada keluarga usahawan asnaf kerana keluarga adalah pendorong mereka untuk berjaya. Program ini adalah bagi membina mentaliti dan sikap menyokong di kalangan keluarga asnaf untuk menyokong pekerjaan sebagai usahawan seperti yang diceburi oleh anak mereka. Untuk itu, pihak Lembaga Zakat boleh merangka program yang sesuai ke arah menjadikan institusi keluarga sebagai faktor pendorong besar kepada kejayaan perniagaan di kalangan usahawan asnaf. Hasil daripada kajian ini juga, institusi zakat dapat memahami dengan lebih mendalam antara faktor latar belakang keluarga asnaf dan sikap pelajar asnaf IPT terhadap niat keusahawanan. Dengan itu, pihak institusi zakat dapat menyediakan bantuan dan khidmat nasihat yang bersesuaian untuk membantu pelajar asnaf IPT menceburi bidang perniagaan. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu pihak universiti atau institusi untuk menjalankan program-program yang lebih berkonsepkan keusahawanan kepada pelajar asnaf IPT mendapat pendedahan yang lebih luas mengenai ilmu keusahawanan sekaligus mempertingkatkan sikap mereka terhadap bidang keusahawanan.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada atas sokongan kewangan yang diterima dari Universiti Utara Malaysia, Institut Penyelidikan Zakat dan Inovasi (IPIZ UUM), dan juga agensi luar Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas pembiayaan kajian ini melalui Skim Geran Agensi Luar Awam (Kod S/O: 14721). Kami juga mengucapkan terima kasih kepada penilai kertas kerja ini atas cadangan yang membina.

Rujukan

- Abai, D. S. A., Awang, M. D., Yusoff, A. N. M., Majid, A. A., & Hamli, H. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: Kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>
- Adam, A. M. (2020). Sample size determination in survey research. *Journal of Scientific Research & Reports*, 26(5), 90–97. <https://doi.org/10.9734/JSRR/2020/v26i530263>
- Ahmad, S. (2012). Membangun keusahawanan asnaf: Analisis konsep model pemindahan teknologi. *Jilid*, 1, 709–715.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50, 179–211. [https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Anjum, T., Amoozegar, A., Nazar, N., & Kanwal, N. (2020). Intervening effect of attitudes towards entrepreneurship: Correlation between passion and entrepreneurial intention. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(5 Special Issue), 1327–1340.
- Barral, M. R. M., Ribeiro, F. G., & Canevar, M. D. (2018). Influence of the university environment in the entrepreneurial intention in public and private universities. *RAUSP Management Journal*, 53(1), 122–133. <https://doi.org/10.1016/j.rauspm.2017.12.009>
- Din, B. H., Anuar, A. R., & Usman, M. (2016). The Effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224(August 2015), 117–123. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.413>
- Embong, M. R., Taha, R., & Nor, M. N. M. (2013). Role of zakat to eradicate poverty in Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 39(2013), 141–150. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2013-39-13>
- Fayolle, A., & Liñán, F. (2014). The future of research on entrepreneurial intentions. *Journal of Business Research*, 67(5), 663–666. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2013.11.024>
- Hashim, N., Othman, A., Mohamad, A., & Md Hussin, M. N. (2019). The influence of zakat support, motivation, networking and training on the business performance of asnaf entrepreneurs in Kedah. *Test Engineering and Management*, 81(2849), 2849–2858. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/26665>
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187–203.
- Hassan, Z., Lashari, M. K., & Basit, A. (2021). Cultivating entrepreneurial culture among students in Malaysia. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 9(1), 119–135. <https://doi.org/10.15678/EBER.2021.090108>
- Jena, R. K. (2020). Measuring the impact of business management student's attitude towards entrepreneurship education on entrepreneurial intention: A case study. *Computers in Human Behavior*, 107(December 2018), 106275. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2020.106275>
- Karabulut, A. T. (2016). Personality traits on entrepreneurial intention. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 229, 12–21. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.07.109>
- Karyaningsih, R. P. D., Wibowo, A., Saptono, A., & Narmaditya, B. S. (2020). Does entrepreneurial knowledge influence vocational students' intention? Lessons from indonesia. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 8(4), 138–155. <https://doi.org/10.15678/EBER.2020.080408>

- Koe, W.-L., Sa'ari, J. R., Majid, I. A., & Ismail, K. (2012). Determinants of entrepreneurial intention among millennial generation. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 40, 197–208. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.03.181>
- Liñán, F., & Chen, Y. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(3), 593–617. <https://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2009.00318.x>
- Luiz, J., & Mariotti, M. (2011). Entrepreneurship in an emerging and culturally diverse economy: A South African survey of perceptions. *South African Journal of Economic and Management Sciences*, 14(1), 47–65. <https://doi.org/10.4102/sajems.v14i1.30>
- Mahmood, T. M. A. T., Mamun, A. Al, & Ibrahim, M. D. (2020). Attitude towards entrepreneurship: a study among Asnaf Millennials in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 14(1), 2–14. <https://doi.org/10.1108/apjie-06-2019-0044>
- Martínez-Gregorio, S., Badenes-Ribera, L., & Oliver, A. (2021). Effect of entrepreneurship education on entrepreneurship intention and related outcomes in educational contexts: a meta-analysis. *The International Journal of Management Education*, 19(3), 100545. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2021.100545>
- Mgaya, K. V., & Magembe, B. A. (2007). Attitudes of university students towards entrepreneurship. *World Review of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 3(2), 192–206. <https://doi.org/10.1504/WREMSD.2007.013611>
- Nabi, G., & Holden, R. (2008). Graduate entrepreneurship: Intentions, education and training. *Education + Training*, 50(7), 545–551. <https://doi.org/10.1108/00400910810909018>
- Nadzri, S., Sultan, N. S. M., & Baharudin, N. A. (2016). Kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*, 2016(November), 239–260.
- Rahman, R. A., & Ahmad, S. (2011). Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33, 37–44. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2011-33-03>
- Wu, F., & Mao, C. (2020). Business environment and entrepreneurial motivations of urban students. *Frontiers in Psychology*, 11(July), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01483>
- Yaakub, Z., & Adnan, N. I. M. (2019). Faktor-faktor kejayaan usahawan ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1), 82–93.
- Yao, X., Wu, X., & Long, D. (2016). University students' entrepreneurial tendency in China: Effect of students' perceived entrepreneurial environment. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, 8(1), 60–81. <https://doi.org/10.1108/JEEE-03-2015-0021>
- Yıldırım, N., Çakır, Ö., & Aşkun, O. B. (2016). Ready to dare? A case study on the entrepreneurial intentions of Business and Engineering students in Turkey. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 229, 277–288. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.07.138>
- Yusof, A. A. (2010). *Pengenalan kepada usahawan dan keusahawanan*. ScholarMind Publishing.
- Zaini, B. J., Sarkawi, M. N., Mansor, R., Bohari, A. M., & Mustaffa, M. A. (2021). Analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf IPT terhadap keusahawanan. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 3(1), 65–73.